

Mahasiswa Perlu Ada Nilai Tambah Sebagai Bekalan Tamat Pengajian - Saifuddin Bernama
13 Februari , 2012

SERI ISKANDAR, 13 Feb (Bernama) -- Mahasiswa perlu mempunyai nilai tambah diri ketika di universiti bagi memastikan mereka berjaya dalam kehidupan selepas tamat pengajian nanti, kata Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Datuk Saifuddin Abdullah.

Beliau berkata mahasiswa harus tahu bahawa institusi tempat mereka belajar bukanlah sebagai tiket untuk mereka mendahului pesaing lain bagi mendapat pekerjaan.

"(Di) dunia pekerjaan baru kelulusan semata-mata tidak memadai lagi. Ini antara sebab kenapa graduan kita ada yang menganggur walaupun mempunyai kelulusan contohnya engineer, dan akauntan.

"Ini mungkin kerana mereka tidak mempunyai nilai tambah...Banyak aktiviti diadakan di universiti yang boleh digunakan sebagai tempat mencari nilai tambah," katanya kepada pemberita pada program lawatan seharinya ke Universiti Teknologi Mara (UiTM) Seri Iskandar di sini, Isnin.

Sehubungan itu, beliau berkata pihak universiti menekankan kemahiran insaniah seperti menganjurkan aktiviti kesukanan, kebudayaan, program bakti siswa, pertandingan debat, program patriotisme, aktiviti keagamaan, rekreasi dan sebagainya.

"Dengan menyertai persatuan atau kelab pelajar akan dapat mengasah bakat kepimpinan mereka sebagai bekalan untuk menempuh alam pekerjaan nanti," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata pihak universiti akan tetap melahirkan siswazah yang profesional termasuk mengkaji subjek dalam semua bidang.

"Contohnya, dalam bidang kejuruteraan dulu ada tiga saja iaitu chemical, sivil dan electrical tapi sekarang mungkin lebih dari 12.

"Apa pun saya tak risau sangat tentang universiti, yang penting mahasiswa perlu faham tentang pekerjaan setelah tamat pengajian," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=645411>